



## MITI harap hubungan Malaysia-China diperkukuh

Januari 6, 2023 @ 7:07pm

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berharap hubungan perdagangan Malaysia-China akan terus diperkukuhkan menerusi pembabitan berterusan antara kedua-dua negara.

Menterinya, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, berkata perkara itu dinyatakan pada pertemuannya dengan Duta China ke Malaysia, Ouyang Yuqing, hari ini.

"Antara perkara yang dibincangkan pada pertemuan itu adalah hubungan perdagangan dan pelaburan antara Malaysia-China, serta langkah untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala," katanya menerusi Twitter.

China adalah rakan dagang terbesar Malaysia selama 13 tahun berturut-turut iaitu dari 2009 hingga 2021.

Pada wawancara bersama saluran CNBC semalam, Tengku Zafrul berkata, langkah China untuk membuka semula sempadannya minggu depan memberi prospek yang baik kepada sektor pelancongan dan ekonomi Malaysia.

Menurut data daripada Tourism Malaysia, sebelum tempoh pandemik COVID-19, China menyumbang kedatangan pelancong ketiga terbesar di Malaysia dengan kira-kira 3.1 juta pelancong dari negara itu melawat Malaysia, daripada keseluruhan 26.1 juta pelancong pada 2019. – BERNAMA